

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 58

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif-inisiatif baharu Kementerian bagi melindungi kebajikan warga emas dan pesakit terlantar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menawarkan perkhidmatan sokongan, sosial dan kebajikan kepada warga emas. Perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh KPWKMM adalah seperti berikut:

1) Bantuan Orang Tua (BOT)

BOT merupakan bantuan kewangan yang diberi kepada kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupannya dan jika mempunyai keluarga, keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidupnya. Bagi tahun 2018, JKM telah menyalurkan BOT kepada 139,673 orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM557,394,800.

2) Rumah Seri Kenangan (RSK)

RSK disediakan kepada warga emas daif yang memerlukan penjagaan dan perlindungan demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Terdapat sembilan buah RSK di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2018, seramai 1,452 warga emas tinggal di RSK.

3) Rumah Ehsan (RE)

RE disediakan untuk warga emas yang sakit dan uzur bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Disember 2018, seramai 207 warga emas tinggal di RE.

4) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian dengan agensi Kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan Kerajaan. PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Kini sebanyak 88 PAWE telah diwujudkan di seluruh Malaysia.

5) Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*)

Kementerian juga telah melaksanakan program Khidmat Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas. Hingga Disember 2018, terdapat seramai 2,562

sukarelawan yang telah memberi Khidmat Bantu di Rumah kepada seramai 7,135 warga emas.

Bagi mendepani cabaran negara tua menjelang 2030, Kerajaan melalui Kementerian ini juga telah merangka beberapa inisiatif baharu bertujuan menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas seperti berikut:

1) Program Penggalakkan Pekerjaan Kepada Warga Emas

Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 tahun ke atas, caruman mandatori KWSP bagi majikan telah dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari 2019. Manakala bagi golongan pekerja ini pula tidak perlu mencarum, maka pendapatan boleh guna mereka akan meningkat. Potongan cukai tambahan juga diberikan kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Langkah ini adalah bagi menggalakkan syarikat mengambil semula golongan ini, terutamanya B40 untuk terus bekerja.

2) Rang Undang-undang (RUU) Warga Emas

Kementerian sedang di dalam proses untuk mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas yang bertujuan untuk melindungi kebajikan dan hak asasi warga emas, memperkasa warga emas, ahli keluarga dan komuniti serta mewujudkan sistem sokongan kukuh kepada warga emas dan penjaga. Draf RUU warga emas dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada penghujung tahun 2020.

3) Projek *Age-Friendly City*

Persiapan ke arah pencapaian status negara tua menjelang tahun 2030 memerlukan komitmen dan perancangan daripada pelbagai pihak di setiap peringkat; dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan tempatan, komuniti dan warga emas sendiri. Sehubungan itu, satu projek rintis untuk mewujudkan *age-friendly city* dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) sedang dirancang oleh Kementerian. Tujuan utama projek ini adalah untuk menggalakkan penglibatan penduduk dalam perancangan tempatan dan seterusnya mewujudkan persekitaran mesra warga emas.

4) Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang Yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia (*Long Term Care*)

Pertambahan bilangan warga emas secara tidak langsung meningkatkan kos penjagaan kesihatan dan kebajikan kepada warga emas. Justeru, satu kajian akan dijalankan bagi membentuk model *Long Term Care* yang mampan dan bersepadu merangkumi penjagaan formal dan tidak formal di setiap peringkat iaitu hospital, institusi, komuniti dan rumah terutamanya penjagaan berasaskan komuniti.

5) Manakala di peringkat negara ASEAN, Malaysia telah menjadi fokal utama dalam pembangunan *Regional Plan of Action to Implement The Kuala Lumpur Declaration on Ageing : Empowering Older Persons in ASEAN.*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
(TEBRAU)**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan berbincang dengan China untuk memansuhkan permit visa masuk keluar kedua-dua negara atau memudahkan perolehan permit visa untuk melawat negara China atau Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, syarat kemudahan visa oleh sesebuah negara adalah secara unilateral dan hal ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Malaysia. Sekiranya terdapat keperluan, perbincangan dengan pihak Duta Besar Republik Rakyat China (RRC) di Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Luar Negeri boleh diadakan bagi membangkitkan keperluan penghapusan visa.

Walau bagaimanapun, bagi warganegara RRC yang ingin memasuki Malaysia, pelbagai kemudahan bagi memudahkan mereka melawat negara ini telah disediakan, antaranya adalah seperti berikut:

- i. eNTRI – satu mekanisme pemantauan dan verifikasi pelancong dengan pengecualian visa ke atas pelancong dari RRC yang berhasrat untuk melawat Malaysia dalam tempoh tidak melebihi 15 hari. Kemudahan ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2019;
- ii. eVisa – permohonan visa melalui atas talian ini membolehkan pelancong dari RRC memperoleh visa dalam tempoh 48 jam untuk tempoh keberadaan selama 30 hari di Malaysia;
- iii. *Visa on Arrival* (VOA) – kemudahan ini membolehkan pelancong RRC mendapatkan visa di pintu masuk yang telah ditetapkan dengan syarat-syarat tertentu; dan
- iv. *Multiple Entry Visa* - Rakyat RRC yang ingin masuk ke Malaysia terutamanya untuk tujuan perniagaan boleh memohon Visa dengan Kemasukan Berulangkali (MEV) untuk tempoh maksimum 1 hingga lima 5 tahun. Tempoh keberadaan di Malaysia bagi pemegang kemudahan MEV ini tidak melebihi 30 hari.